



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

## **LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**20 FEBRUARI 2025 (KHAMIS)**

## Lebih 100 anjing liar ancam penduduk

| MEDIA           | RUANGAN      | MUKA SURAT | TARIKH |
|-----------------|--------------|------------|--------|
| Utusan Malaysia | Dalam Negeri | 33         | 20 Feb |

**SEKUMPULAN**  
anjing liar di  
sekitar Pantai  
Benting  
Lintang, Besut,  
Terengganu. -  
UTUSAN/WAN  
ZURATIKAH  
IFFAH WAN  
ZULKIFLI



## Lebih 100 anjing liar ancam penduduk

**BESUT:** Peningkatan mendadak bilangan anjing liar di Kampung Benteng Lintang di sini menimbulkan kebimbangan lebih 2,000 penduduk setempat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Benteng Lintang, Abd. Wahab Ab. Rahman berkata, masalah itu semakin ketara sejak tahun lalu dan kini jumlah kehadiran anjing liar meningkat lebih 100 ekor.

"Anjing ini berkeliaran di sekitar rumah dan kedai makan penduduk yang menimbulkan kebimbangan keselamatan orang ramai terutama kanak-kanak," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Katanya, kawanan anjing liar turut berkeliaran di kawasan Pantai Benteng Lintang yang menjadi tempat tarikan di

kampung tersebut.

"Isu masalah anjing liar ini telah diutarakan kepada pihak berkaitan dan kita banyak menerima aduan daripada penduduk kampung. Penduduk perlu mengambil tindakan menghalau sendiri haiwan tersebut apabila anjing-anjing ini berkeliaran di sekitar rumah mereka," katanya.

Abd. Rahman berkata, kebimbangan turut diluahkan ibu bapa berhubung keselamatan anak-anak yang pulang dari sekolah dan daripada penternak yang mana haiwan ternakan mereka diserang anjing itu.

"Saya berharap isu ini mendapat perhatian pihak berwajib dan boleh diwujudkan kerjasama daripada pihak penguat kuasa tempatan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu menyelesaikannya," ujarnya.

## Lebih 100 anjing liar ancam penduduk

| MEDIA           | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-----------------|---------|------------|--------|
| Utusan Malaysia | Online  | -          | 20 Feb |

### Lebih 100 anjing liar ancam penduduk



SEKUMPULAN anjing liar di sekitar Pantai Benting Lintang, Besut, Terengganu. – UTUSAN/WAN ZURATIKAH IFFAH WAN ZULKIFLI

BESUT: Peningkatan mendadak bilangan anjing liar di Kampung Benting Lintang di sini menimbulkan kebimbangan lebih 2,000 penduduk setempat.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Kampung Benting Lintang, Abd. Wahab Ab. Rahman berkata, masalah itu semakin ketara sejak tahun lalu dan kini jumlah kehadiran anjing liar meningkat lebih 100 ekor.

“Anjing ini berkeliaran di sekitar rumah dan kedai makan penduduk yang menimbulkan kebimbangan keselamatan orang ramai terutama kanak-kanak,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Katanya, kawanan anjing liar turut berkeliaran di kawasan Pantai Benting Lintang yang menjadi tempat tarikan di kampung tersebut.

“Isu masalah anjing liar ini telah diutarakan kepada pihak berkaitan dan kita banyak menerima aduan daripada penduduk kampung.

Penduduk perlu mengambil tindakan menghalau sendiri haiwan tersebut apabila anjing-anjing ini berkeliaran di sekitar rumah mereka,” katanya.

Abd. Rahman berkata, kebimbangan turut diluahkan ibu bapa berhubung keselamatan anak-anak yang pulang dari sekolah dan daripada penternak yang mana haiwan ternakan mereka diserang anjing itu.

“Saya berharap isu ini mendapat perhatian pihak berwajib dan boleh diwujudkan kerjasama daripada pihak penguat kuasa tempatan serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membantu menyelesaikannya,” ujarnya. – UTUSAN



## 10 lembu seludup dari Thailand dirampas

| MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------------|---------|------------|--------|
| Harian Metro | Online  | -          | 20 Feb |

### 20 lembu seludup dari Thailand dirampas



*PGA merampas 20 lembu diseludup dari Thailand, di Kampung Lalang Pepuyu, di sini, petang semalam. FOTO Ihsan PGA*

Tanah Merah: Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 20 lembu yang diseludup dari Thailand membabitkan nilai RM160,000 di Kampung Lalang Pepuyu di sini, petang semalam.

Rampasan dilakukan Batalion 8 pada 4.45 petang menerusi Op Taring Wawasan selepas pihaknya menahan sebuah lori yang dipandu seorang lelaki dalam keadaan mencurigakan.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Ab Hamid berkata, hasil pemeriksaan terhadap kenderaan itu mendapati 20 lembu anggaran berat lebih 10,000 kilogram (kg) dipercayai diseludup dari Thailand tanpa dokumen yang sah.

"Pemandu lori iaitu seorang lelaki berusia 31 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup lembu itu ke pasaran tempatan.

"Anggaran nilai rampasan keseluruhan bernilai RM160,000 dan kes disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

"Suspek dan barang rampasan diserahkan kepada Jabatan Veterinar Kelantan untuk tindakan selanjutnya," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

## PGA rampas 20 lembu seludup dari negara jiran

| MEDIA         | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---------------|---------|------------|--------|
| Berita Harian | Online  | -          | 20 Feb |

### PGA rampas 20 lembu seludup dari negara jiran



*PGA merampas 20 lembu yang diseludup dari Thailand, membabitkan nilai RM160,000 di Kampung Lalang Pepuyu, Tanah Merah, Kelantan. - Foto IHSAN PGA*

Oleh Nor Fazlina Abdul [Rahimnfazlina@nstp.com.my](mailto:Rahimnfazlina@nstp.com.my)

TANAH MERAH: Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 20 lembu diseludup dari Thailand membabitkan nilai keseluruhan RM160,000 di Kampung Lalang Pepuyu, di sini, petang semalam.

Rampasan dilakukan Batalion 8 jam 4.45 petang menerusi Op Taring Wawasan selepas menahan lori dipandu lelaki dalam keadaan mencurigakan.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Ab Hamid, berkata pemeriksaan ke atas kenderaan itu menemukan 20 lembu dianggar seberat lebih 10,000 kilogram (kg) dipercayai diseludup dari Thailand.

"Pemandu seorang lelaki berusia 31 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk menyeludup lembu itu ke pasaran tempatan.

"Anggaran nilai rampasan keseluruhan RM160,000 dan kes disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

"Suspek dan barang rampasan diserahkan kepada Jabatan Veterinar Kelantan untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Dalam operasi berasingan di sebuah rumah Pulau Belanga, Kota Bharu, Nik Ros Azhan berkata, pihaknya menahan empat pendatang asing tanpa izin jam 6.30 petang semalam.

Katanya, tangkapan membabitkan tiga lelaki warga Bangladesh dan seorang lelaki Myanmar.

"Semua suspek gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri atau dokumen perjalanan masuk ke Malaysia yang sah. Mereka ditahan di bawah Sek 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63," katanya.

## Stok lembu seludup untuk bekalan Ramadan dirampas

| MEDIA           | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-----------------|---------|------------|--------|
| Utusan Malaysia | Online  | -          | 20 Feb |

### Stok lembu seludup untuk bekalan Ramadan dirampas



LEMBU seludup yang dirampas PGA selepas menahan sebuah lori di Kampung Lalang Pepuyu, Tanah Merah, Kelantan semalam-IHSAN PGA.

TANAH MERAH: Batalion 8 Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas 20 ekor lembu seludup dari Thailand yang dipercayai untuk dijadikan sebagai stok pada bulan Ramadan selepas menahan sebuah lori di Kampung Lalang Pepuyu di sini semalam.

Dalam Op Taring Wawasan Kelantan pada pukul 4.45 petang itu, PGA turut menahan pemandu lori berusia 31 tahun yang bertindak sebagai penghantar bagi membantu siasatan.

Komander Briged Tenggara Datuk Nik Ros Azhan Ab. Hamid berkata, pemeriksaan ke atas lori itu telah menjumpai 20 ekor lembu tanpa sebarang dokumen yang sah.

“Selain untuk Ramadan, kita tidak menolak kemungkinan ia turut dijadikan sebagai stok untuk Hari Raya Aidiladha

“Anggaran nilai rampasan keseluruhan termasuk lori berjumlah RM160,000,” katanya ketika dihubungi pemberita di sini hari ini.

Nik Ros Azhan memberitahu, kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Katanya, suspek dan barang rampasan diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kelantan untuk tindakan selanjutnya.

“PGA akan terus mempergiatkan usaha bagi mengekang kegiatan penyeludupan dari terus berleluasa di sempadan negara,” ujarnya.-[UTUSAN](#)



## Pahang pertimbang permohonan Pasfa buka ladang kelapa

| MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------------|---------|------------|--------|
| Sinar Harian | Online  | -          | 20 Feb |

### Pahang pertimbang permohonan Pasfa buka ladang kelapa

NORAWAZNI YUSOF

20 Februari 2025 12:20am

Masa membaca: 2 minit



KUANTAN - Kerajaan Pahang bersedia mempertimbangkan sebarang permohonan daripada Pertubuhan Ladang Negeri Pahang (Pasfa) untuk membuka ladang kelapa di negeri ini sekiranya terdapat keperluan.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, permintaan terhadap kelapa semakin meningkat menjadikan cadangan tersebut fikiran wajar untuk dipertimbangkan.

“Insya-ALLAH, kita akan beri pertimbangan kerana permintaan terhadap kelapa memang tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan majlis penyerahan dividen ladang usahasama ontegrasi lembu dan sawit Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) Bukit Gayong kepada peserta E-Kasih, yang berlangsung di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, di sini pada Rabu.

Seramai 500 peserta yang menerima bayaran tersebut pada majlis penyerahan dividen itu

Wan Rosdy memaklumkan kerajaan Pahang akan memberi perhatian kepada permohonan lain yang dikemukakan oleh Pasfa.

Jelasnya, agensi tersebut berjaya memanfaatkan sumber da. tanah yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri untuk pelbagai jenis penanaman.

"Pasfa tidak pernah gagal dan mereka berjaya dalam pelbagai bidang, termasuk penanaman nanas, penternakan lembu, serta kelapa sawit.

“Oleh sebab itu, jika terdapat sebarang permohonan daripada Pasfa, kita negeri beri pertimbangan yang sehabis baik, kerana faedahnya akan dinikmati kepada ramai orang, ia bukannya berbentuk kepada individu,” jelasnya lagi.

## Pahang Komited Sokong PASFA Dalam Projek Tanaman, Ternakan

| MEDIA    | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|----------|---------|------------|--------|
| Bernamea | Online  | -          | 19 Feb |

### Pahang Komited Sokong PASFA Dalam Projek Tanaman, Ternakan



KUANTAN, 19 Feb (Bernama) -- Kerajaan Pahang akan memberi sokongan kepada Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) jika agensi itu mahu melaksanakan sebarang projek tanaman atau ternakan pada masa hadapan.

Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata ini kerana PASFA didapati berkeupayaan untuk menjayakan projek tersebut dengan cemerlang, sekali gus mampu memberi faedah kepada peserta terlibat.

“Setahu saya PASFA tidak pernah gagal memberi dividen kepada pesertanya (dan) mereka menggunakan sumber termasuk tanah diberikan kerajaan negeri untuk (melaksanakan) penanaman atau ternakan dengan jayanya.

“Justeru, jika ada permohonan daripada PASFA seperti penanaman kelapa yang mempunyai permintaan tinggi, kerajaan negeri akan memberi pertimbangan sehabis baik kerana faedahnya boleh dinikmati ramai dan bukan individu,” katanya.

Wan Rosdy berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Penyerahan Dividen Ladang Usahasama Integrasi Lembu dan Sawit PPRT Bukit Gayong kepada Peserta E-Kasih di sini hari ini.

Pada majlis itu, 500 peserta menerima dividen RM1,561 seorang dengan jumlah keseluruhan bayaran RM780,500.

Wan Rosdy berkata antara resipi kejayaan PASFA ialah pertubuhan itu mampu menguruskan projek dengan baik, tidak berlaku ketirisan dan fokus bagi mencapai matlamat.

“Mereka melakukan kajian, sebagai contoh menggunakan baja sesuai untuk sawit dan hal ini tidak dibuat secara semberono,” katanya.

-- BERNAMA

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarkan melalui Wires BERNAMA; [www.bernama.com](http://www.bernama.com); BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).*

*Ikuti kami di media sosial :*

*Facebook : [@bernamaofficial](https://www.facebook.com/bernamaofficial), [@bernamatv](https://www.facebook.com/bernamatv), [@bernamaradio](https://www.facebook.com/bernamaradio)*

*Twitter : [@bernama.com](https://twitter.com/bernama.com), [@BernamaTV](https://twitter.com/BernamaTV), [@bernamaradio](https://twitter.com/bernamaradio)*

*Instagram : [@bernamaofficial](https://www.instagram.com/bernamaofficial), [@bernamatvofficial](https://www.instagram.com/bernamatvofficial),*

*[@bernamaradioofficial](https://www.instagram.com/bernamaradioofficial)*

*TikTok : [@bernamaofficial](https://www.tiktok.com/@bernamaofficial)*



## Peserta e-Kasih terima dividen RM1,561 hasil Ladang Usahasama Integrasi Lembu, Sawit

| MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------------|---------|------------|--------|
| Sinar Harian | Online  | -          | 19 Feb |

### Peserta e-Kasih terima dividen RM1,561 hasil Ladang Usahasama Integrasi Lembu, Sawit

NORAWAZNI YUSOF

19 Februari 2025 08:51pm

Masa membaca: 2 minit



KUANTAN - Seorang warga emas bersyukur apabila menerima RM1,561 dividen Ladang Usahasama Integrasi Lembu dan Sawit Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) Ladang Bukit Gayong, Pertubuhan Peladang Peserta Negeri Pahang (Pasfa), pada Rabu.

Peserta e-Kasih, Zaharah Mohamed, 66, berkata, dividen itu sangat bermakna kerana dapat meringankan beban kehidupan sehariannya.

"Gembiralah dan seronok dapat. Setiap tahun terima, tetapi jumlahnya berubah-ubah," katanya ketika ditemui selepas menerima sumbangan tersebut di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini pada Rabu.

Zaharah antara 500 peserta e-kasih yang menerima dividen itu yang disampaikan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.

Dalam pada itu, Zalina Jaafar, 52, berkata, dividen yang diterima sangat membantu dalam menguruskan perbelanjaan harian, selain menampung keperluan anak-anaknya yang masih belajar, sekali gus meringankan beban kewangan keluarga.

"Alhamdulillah, bantuan ini sangat membantu kehidupan seharian saya.



Wan Rosdy menyampaikan dividen kepada peserta e-Kasih pada majlis yang berlangsung di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah pada Rabu.

"Dengan adanya wang ini, saya dapat menyokong pendidikan anak-anak serta menampung perbelanjaan lain," katanya.

Dia turut menggunakan sebahagian daripada sumbangan tersebut sebagai modal bagi memulakan perniagaan kecil-kecilan di rumah, seperti menghasilkan kraftangan.

Sementara itu, Wan Rosdy berkata, pembayaran dividen ini menunjukkan kejayaan program pembangunan luar bandar dalam membantu rakyat.

"Syabas dan tahniah kepada Pasfa kerana berjaya membayar dividen kepada 500 peserta, di mana setiap peserta menerima RM1,561, menjadikan jumlah keseluruhan bayaran dividen sebanyak RM780,518," katanya.

Beliau menambah, kejayaan ini membuktikan program pembangunan ekonomi luar bandar yang dirancang dengan baik mampu memberikan manfaat secara langsung kepada rakyat.

"Sudah pastinya pembayaran dividen ini menjadi lebih bermakna kerana kita bakal menyambut kedatangan bulan Ramadan, diikuti perayaan Aidilfitri tidak lama lagi," ujarnya.

# KERAJAAN NEGERI BERI PERTIMBANGAN PASFA

## BUKA LADANG KELAPA

| MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------------|---------|------------|--------|
| Pahang Media | Online  | -          | 19 Feb |

### KERAJAAN NEGERI BERI PERTIMBANGAN PASFA BUKA LADANG KELAPA

Oleh: Norhafizan Zulkifli

KUANTAN, 19 FEBRUARI 2025: Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan kepada Pertubuhan Ladang Negeri Pahang (PASFA) sekiranya mereka mempunyai permohonan untuk membuka ladang kelapa di negeri ini.

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy Wan Ismail berkata, ia berikutan permintaan terhadap kelapa kini semakin meningkat.

"InsyaAllah kita akan bagi pertimbangan. Kelapa memang ada permintaan," katanya kepada media ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Penyerahan Dividen Ladang Usahasama Integrasi Lembu dan Sawit Projek Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT) Bukit Gayong kepada peserta E-Kasih bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, di sini, hari ini.



Majlis turut dihadiri Pengerusi Jemaah Pengarah PASFA, YH. Dato' Haji Zamri Yaakob, barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan ketua-ketua jabatan.

YAB. Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy juga berkata, tidak hanya itu, malah Kerajaan Negeri juga turut akan mempertimbangkan permohonan-permohonan lain daripada PASFA.

"Setahu saya, PASFA ini tidak pernah gagal memberi dividen kepada peserta-pesertanya daripada dulu lagi dan saya juga ucapkan syabas dan tahniah kerana telah menggunakan sumber yang ada, tanah-tanah yang ada yang diberikan oleh Kerajaan Negeri untuk penanaman apa sahaja.

"Saya dapati mereka boleh laksanakan dengan jayanya. Nanasnya... begitu juga dengan penternakan lembu, sawit apatah lagi dan macam-macam lagi.

"Sebab itu sekiranya ada permohonan daripada PASFA, Kerajaan Negeri akan memberi pertimbangan yang sehabis baik. Kerana faedahnya akan dinikmati kepada ramai orang, ia bukannya berbentuk kepada individu," katanya lagi.

Dalam pada itu seramai 500 peserta E-Kasih menerima dividen Ladang Usahasama Integrasi Lembu dan Sawit PPRT Bukit Gayong berjumlah RM1,561 setiap seorang membabitkan jumlah keseluruhan sebanyak RM780,518. -PAHANGMEDIA



## Sunzen Group jual perniagaan Kesihatan haiwan kepada Pure Nutritional bernilai RM17.3 juta

| MEDIA       | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|-------------|---------|------------|--------|
| Dagang News | Online  | -          | 19 Feb |

### Sunzen Group jual perniagaan kesihatan haiwan kepada Pure Nutritional bernilai RM17.3 juta



Oleh Shamsiah Zulkafli

**KUALA LUMPUR 19 Feb** - Sunzen Group Bhd merancang untuk menjual perniagaan kesihatan haiwan yang mengalami kerugian kepada penyedia produk farmaseutikal dan veterinar, Pure Nutritional Products Sdn Bhd, dengan nilai RM17.3 juta.

Menurut Sunzen, pihaknya telah memeterai perjanjian jual beli saham dengan Pure Nutritional untuk menjual 100% kepentingan ekuitinya dalam anak syarikat milik penuhnya, Sunzen Corp Sdn Bhd (SCSB) dan Sunzen Lifesciences Sdn Bhd (SLSB).

"Hasil daripada jualan tersebut akan digunakan untuk modal kerja kumpulan bagi menyokong operasi perniagaan harian dan aktiviti perniagaan sedia ada," katanya dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia, semalam.

Pure Nutritional terlibat dalam mengimport, mengedar, membuat dan menjual produk farmaseutikal dan veterinar seperti ubat-ubatan, ubat paten, serta produk berkaitan lain.

"Hasil daripada jualan tersebut akan digunakan untuk modal kerja kumpulan bagi menyokong operasi perniagaan harian dan aktiviti perniagaan sedia ada," katanya dalam satu kenyataan kepada Bursa Malaysia, semalam.

Pure Nutritional terlibat dalam mengimport, mengedar, membuat dan menjual produk farmaseutikal dan veterinar seperti ubat-ubatan, ubat paten, serta produk berkaitan lain.

SCSB terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan bioteknologi, pembuatan, pengimportan, pengeksportan, serta jualan ubat veterinar, produk farmaseutikal, produk kimia, peralatan kesihatan haiwan, perkhidmatan makmal dan produk minyak sawit.

SLSB pula terlibat dalam penyelidikan dan pembangunan bioteknologi serta pengkomersialan produk antibakteria dalam makanan dan makanan tambahan untuk kesihatan haiwan. -

[DagangNews.com](http://DagangNews.com)



**TERIMA KASIH**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**